

17 NOV 1999

SHAHIDAN GESA PEMANDU TEKSI TERUSKAN SOKONGAN KEPADA BN

KANGAR, 17 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim menggesa para pemandu teksi supaya terus memberikan sokongan mereka kepada Barisan Nasional (BN).

Mereka juga diharap dapat membantu kerajaan menyampaikan maklumat yang tepat mengenai kerajaan BN kepada para penumpang mereka, katanya ketika melancarkan program "Syabas Malaysia" peringkat negeri di sini hari ini.

Shahidan berkata, beliau gembira kerana para pemandu teksi telah menyatakan sokongan mereka kepada BN.

Program anjuran Pertubuhan Pemandu dan Pengusaha Teksi, Limosin dan Kereta Sewa Malaysia (Petekma) itu bertujuan membuktikan sokongan para pemandu teksi terhadap negara dan kerajaan BN.

Program itu dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya pada 27 Okt lalu dan ia akan berakhir sebelum 29 Nov ini.

Sementara itu, Presiden Petekma Yusoff Lahir berkata, sebahagian besar daripada 17,000 anggota pertubuhan itu akan memberi sokongan kepada BN pada pilihan raya umum ini.

Petekma yang mempunyai 188 cawangan di seluruh negara akan memastikan setiap pelanggan teksi mendapat maklumat yang tepat mengenai negara, katanya.

-- BERNAMA

AD AKD